

LAPORAN TERKINI BANK DUNIA MENGENAI EKONOMI ASIA TIMUR DAN PASIFIK

UNJURAN EKONOMI KITA KEKAL

» Pertumbuhan tahun ini dijangka 4.7 peratus

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Bank Dunia terus mengekalkan unjuran ekonomi Malaysia tahun ini meskipun menyemak semula dan merendahkan jangkaan pertumbuhan beberapa negara lain di Asia Tenggara serta China.

Bank pembangunan global itu mengekalkan jangkaan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang dibuatnya pada April lalu, iaitu pada kadar 4.7 peratus bagi 2015, demikian mengikut Laporan Terkini Bank Dunia Mengenai Ekonomi Asia Timur dan Pasifik yang dikeluarkan semalam.


Unjuran itu dilihat masih sejajar dengan unjuran Bank Negara Malaysia, iaitu dalam lingkungan antara 4.5 peratus dan 5.0 peratus untuk tahun ini.

Permintaan domestik Malaysia kukuh

Dalam laporan terkini itu menunjukkan Bank Dunia merendahkan unjurannya untuk Indonesia sebanyak -0.5 mata kepada 4.7 peratus, Filipina -0.7 peratus kepada 5.8 peratus, Thailand -1.0 mata kepada 2.5 peratus dan China -0.2 mata kepada 6.9 peratus.

Berdasarkan laporan itu, Bank Dunia berkata pengekal unjuran untuk Malaysia adalah bersandarkan kepada pengukuhan permintaan domestik negara ini serta pengurusan ekonomi makro yang mantap mampu mengekang risiko dalam tempoh sederhana.

Namun begitu, bank pembangunan itu memberi amaran bahawa tekanan keseimbangan luaran meningkat baru-



baru ini dan pertumbuhan kini mula perlahan.

Justeru, ia mencadangkan supaya Malaysia terus melaksanakan pembaharuan struk-

tur dan pelaburan yang perlu untuk beralih kepada ekonomi berintensifkan kemahiran dan mempunyai produktiviti yang tinggi.

Bisnes B2

Bank Dunia senarai 3 faktor pacu ekonomi

Dari muka B1

Mengulas lanjut mengenai prestasi ekonomi Malaysia setakat ini, Bank Dunia berkata, ekonomi Malaysia yang kukuh setakat ini dipacu oleh tiga faktor penting, iaitu pasaran buruh yang mantap, kestabilan dalam hutang isi rumah dan sektor perbankan yang kukuh.

Ia berkata, kestabilan hutang isi rumah mengurangkan ketidakpastian kepada kejutan kewangan dan menyokong kemampuan pertumbuhan penggunaan swasta, sementara sektor perbankan kekal kondusif untuk mengembangkan akses sektor swasta kepada kredit.

Berbanding faktor positif yang meluas itu, katanya, kesan tekanan luaran masih ada dan skop dasar pengembangan makro yang lebih dijangka terus dikekang oleh keperluan untuk kekalkan dasar penanaman.

"Secara menyeluruh, pertumbuhan dijangka terus perlahan kepada 4.7 peratus pada 2015 dan 2016, sebelum meningkat sedikit kepada 5.0 peratus pada 2017, disokong oleh pengukuhan dalam eksport.

"Imbangan akaun semasa dijangka kekal pada paras semasa iaitu kira-kira 2.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 2015, sementara pertumbuhan perlahan dalam permintaan domestik dan harga komoditi global, termasuk harga minyak mentah, akan membantu mengehadkan inflasi di bawah tiga peratus," katanya.

Bank Dunia juga memberi amaran risiko kepada tinjauan pertumbuhan lebih ke arah penurunan dan isu domestik yang wujud ketika ini jejakkan sentimen berkaitan aset kewangan negara dan ringgit.

Ia berkata, perbelanjaan dan keyakinan pengguna dan perniagaan dijangka berkurangan lebih daripada dijangka ketika ini dengan lebih kesan negatif terhadap pendapatan dan kekayaan daripada tukaran asing atau dasar penyelarasan lain.

"Pertumbuhan perlahan di China, yang menyerap lebih lapan peratus KDNK Malaysia boleh memberi risiko berterusan. Akhir sekali, jika minyak mentah Brent terus rendah, ini akan mengurangkan kedudukan fiskal Malaysia, imbalan luaran dan pertumbuhan KDNK," katanya.